SAMPEL PERCUMA

Kertas Trial STPM Semester 3 Bahasa Melayu Pahang 2024

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Semester 3 · 10 subjek (2024)

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

SULIT*

910/3 STPM 2024

BAHASA MELAYU

KERTAS 3

(1 jam 30 minit)

MODUL PENTAKSIRAN PDPC SEMESTER 3

MODUL PENTAKSIRAN PDPC
SEMESTER 3
NEGERI PAHANG

Arahan kepada calon :

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Kertas ini mengandungi dua bahagian, iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Calon dikehendaki menjawab **semua** *soalan.*

Ada **dua puluh** *soalan dalam* **Bahagian A**. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh* **empat** *pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang betul dan tandakan jawapan itu pada Borang Jawapan Aneka Pilihan yang berasingan.*

Calon dikehendaki menjawab semua soalan dalam **Bahagian B** *pada kertas soalan ini.*

Markah untuk tiap-tiap soalan dan bahagian soalan diberikan dalam tanda kurung [ ].

Untuk kegunaan pemeriksa	
Bahagian B	
Soalan 21	
Soalan 22	
Soalan 23	
Soalan 24	
Soalan 25	
Soalan 26	
Soalan 27	
Soalan 28	
Soalan 29	
Soalan 30	
Soalan 31	
Soalan 32	
Soalan 33	
Jumlah	

Bahagian A [20 *markah*]

*Jawab **semua** soalan. Tandakan jawapan yang betul pada Borang Aneka Pilihan yang dibekalkan.*

1

Wacana boleh terdiri daripada sejumlah ayat, satu perenggan, satu esei, satu bab, sebuah buku atau siri buku.

Pernyataan di atas menunjukkan bahawa wacana

A melampaui tahap batas ayat

B merangkumi ruang yang luas

C mempunyai tujuan yang pelbagai

D memerlukan kajian yang mendalam

2

Encik Rahim merupakan majikan yang sangat dihormati oleh pekerja-pekerjanya. .....*(i)*..... sangat prihatin terhadap kebajikan mereka. .....*(ii)*.....Encik Rahim sentiasa disanjungi oleh para pekerjanya.

Yang manakah jenis penanda wacana yang sesuai bagi (i) dan (ii) dalam petikan di atas?

	(i)	*(ii)*
A	Penanda penggantian	Penanda penghubung tambahan
B	Penanda penggantian	Penanda penghubung kesimpulan
C	Penanda rujukan	Penanda penghubung tempoh
D	Penanda rujukan	Penanda penghubung musabab

3 Yang manakah wacana yang memperlihatkan kesinambungan idea untuk memperkuat isi?

A Kereta abang sungguh canggih. Kereta itu sebenarnya kereta buatan Jepun yang terkini.

B Tingkah lakunya menarik. Dia sentiasa tersenyum dan bertutur dengan sopan.

C Aminah seorang yang bersopan santun. Adik perempuan bongsunya lebih bersopan santun.

D Kita perlu berfikiran positif. Tindakan ini membantu minda menjadi lebih sihat.

4 Pernyataan yang manakah yang **benar** berkaitan retorik?

A Penyampaian idea yang bernas melebihi batas ayat.

B Perbezaan atau kelainan idea yang wujud dalam sesuatu bahasa.

C Penyampaian seni penggunaan bahasa yang merangkumi lisan atau tulisan.

D Perbezaan variasi yang dituturkan oleh sekumpulan penutur di sesuatu kawasan.

5

Matahari belum muncul tetapi sinarnya sudah terserlah dari balik bukit di depan rumahnya. Seperti biasa, dia turun dari rumah. Basikal buruknya ditunggang ke arah matahari naik itu. Kulitnya yang putih kuning itu tetap terserlah dalam cahaya yang berbalam-balam. Gadis itu, tersenyum, menampakkan lesung pipit di pipi kirinya. Dengan badannya yang tinggi lampai, keanggunannya terserlah.

Pernyataan di atas menepati ciri retorik

I pemerian

II pendedahan

III penceritaan

IV penghujahan

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

6

Pelajar di SMK Bahagia cemerlang dalam peperiksaan SPM pada tahun 2023. Mereka menggunakan nota pendek dan berbincang secara berkumpulan semasa mengulang kaji pelajaran. Selain itu mereka sering bertanya kepada guru-guru pada waktu lapang. Mereka juga membuat koleksi soalan SPM tahun-tahun lepas.

Apakah teknik penyampaian idea dalam petikan di atas?

A Induksi

B Deduksi

C Eklektik

D Analogi

7 Pernyataan yang manakah yang **tidak** menepati konsep *variasi bahasa*?

A Penggunaan bahasa yang berlainan kerana persekitaran yang berbeza.

B Kelainan bahasa yang disebabkan oleh perbezaan sesuatu formaliti bahasa itu.

C Kelainan bahasa disebabkan oleh pengguna bahasa dan situasi yang berbeza.

D Penggunaan bahasa yang berbeza kerana wujudnya perbezaan sosial.

8 Pernyataan yang manakah yang menepati variasi bahasa kreol?

I Bahasa yang bermula kerana wujudnya dua atau lebih kumpulan penutur yang berbeza bahasanya.

II Bahasa yang telah dikuasai sebagai bahasa ibunda dalam masyarakat penuturnya.

III Terdapat satu bahasa yang menjadi asas, yang lebih dominan daripada bahasa lain.

IV Sistem tatabahasanya lebih kompleks dan mantap selain kosa katanya yang lebih meluas.

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

9 Bagaimanakah bahasa pijin dapat menjadi bahasa kreol?

A Wujudnya bahasa kacukan dalam sesuatu masyarakat.

B Perubahan tabiat penyebutan kerana pengaruh sekitar.

C Percampuran bahasa membentuk satu bahasa ibunda dalam masyarakat.

D Penutur menukar dialeknya apabila berkomunikasi dalam komuniti bahasa lain.

10 Pernyataan yang manakah yang benar tentang laras bahasa?

A Penggunaan gaya pengucapan yang berbeza mengikut penyampainya.

B Penggunaan sesuatu bahasa berdasarkan situasi mengikut bidangnya.

C Penggunaan sesuatu laras berdasarkan faktor penggunanya.

D Penggunaan bahasa yang berbeza mengikut penuturnya.

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Semester 3 · 10 subjek (2024)

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar